

Keperluan Utama Mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Univesiti Islam Selangor

Primary Needs of Students with Disabilities in Teaching and Learning at Selangor Islamic University

Zetty Nurzuliana Rashed¹, Hazlin Falina Rosli², Mohd Izzudin Mohd Pisol³, Zur'ain Harun⁴, Nur Hafizah Hadi⁵

^{1,3,4} Faculty of Education, Universiti Islam Selangor, Malaysia

² Faculty of Social Sciences, Universiti Islam Selangor, Malaysia.

Email: zetty@uis.edu.my, hazlinfalina@uis.edu.my, mohdizzuddin@uis.edu.my, zurain@uis.edu.my, nurhafizahhadi12@gmail.com

ABSTRAK

Keperluan utama mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU) dalam pengajaran dan pembelajaran meliputi aspek fizikal, akademik, sosial, emosi dan teknologi. Kajian ini bertujuan untuk meneliti keperluan utama mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU) dalam pengajaran dan pembelajaran di Universiti Islam Selangor (UIS). Walaupun dasar pendidikan inklusif telah diperkenalkan, pelaksanaannya masih berhadapan dengan pelbagai cabaran dari aspek infrastruktur, akademik, sosial dan psikososial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur terhadap 10 mahasiswa OKU di UIS. Data dianalisis menggunakan perisian Nvivo12. Dapatan menunjukkan bahawa keperluan utama mahasiswa OKU merangkumi tiga aspek utama iaitu (i) kemudahan fizikal dan aksesibiliti, (ii) sokongan akademik dan pembelajaran inklusif, (iii) sokongan sosial dan emosi. Kajian ini mencadangkan agar setiap institusi pengajian tinggi (IPT) mewujudkan Unit Khas Hal Ehwal OKU dan melaksanakan audit kampus inklusif secara berkala bagi memastikan keadilan dan kesamarataan akses pendidikan kepada semua mahasiswa. Secara keseluruhannya, keperluan mahasiswa OKU bukan hanya tertumpu pada kemudahan fizikal semata-mata, tetapi meliputi pendekatan holistik yang menggabungkan aspek akademik, emosi dan teknologi bagi menjamin pengalaman pembelajaran yang adil, berkualiti dan menyeluruh.

Kata kunci: Mahasiswa OKU, Pendidikan inklusif, Institusi Pengajian Tinggi, Akses pendidikan, Keperluan pelajar

ABSTRACT

The main needs of students with disabilities (OKU) in teaching and learning include physical, academic, social, emotional and technological aspects. This study aims to examine the main needs of students with disabilities (OKU) in teaching and learning at Universiti Islam Selangor (UIS). Although the inclusive education policy has been introduced, its implementation is still faced with various challenges from the infrastructure, academic, social and psychosocial aspects. This study uses a descriptive qualitative approach. Data was collected through semi-structured interviews with 10 students with disabilities at UIS. The data was analyzed using Nvivo12 software. The findings show that the main needs of students with disabilities include three main aspects, namely (i) physical facilities and accessibility, (ii) academic support and inclusive learning, (iii) social and emotional support. This study recommends that each higher education institution (IPT) establish a Special Unit for Disabled Affairs and conduct regular



inclusive campus audits to ensure fairness and equality of access to education for all students. Overall, the needs of disabled students are not just focused on physical facilities, but include a holistic approach that combines academic, emotional and technological aspects to ensure a fair, quality and comprehensive learning experience.

Keywords: Students with disabilities, Inclusive education, Higher education institutions, educational access, Student needs

PENDAHULUAN

Pendidikan tinggi berperan penting dalam membentuk insan berilmu, berakhlak dan berdaya saing. Namun, bagi mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU), peluang dan akses terhadap pendidikan tinggi sering berhadapan dengan pelbagai kekangan fizikal, sosial dan emosi. Walaupun kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Pendidikan Inklusif (2019) bagi memperkukuh akses pendidikan kepada golongan OKU, pelaksanaannya di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) masih belum menyeluruh dan berkesan (Zainal & Min, 2021).

Di Malaysia, Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) menjamin hak OKU untuk mendapat akses kepada pendidikan tanpa diskriminasi. Begitu juga dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025, yang menekankan aspek keterangkuman sosial sebagai tunjang kepada transformasi pendidikan tinggi negara. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sebenar di institusi menunjukkan masih wujud jurang antara dasar dan amalan, khususnya dalam penyediaan kemudahan fizikal yang mesra OKU, bahan pengajaran yang boleh diakses (*accessible learning materials*), serta latihan kesedaran inklusif dalam kalangan pensyarah dan staf sokongan (Azizan, 2022).

Mahasiswa OKU berhak mendapat pengalaman pembelajaran yang setara dengan mahasiswa arus perdana. Oleh itu, pengenalpastian terhadap keperluan mereka amat penting bagi memastikan IPT mampu menyediakan ekosistem pembelajaran yang benar-benar inklusif dan menyeluruh, selaras dengan matlamat Pendidikan untuk Semua (*Education for All*) yang digariskan oleh UNESCO serta Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 4) iaitu memastikan pendidikan berkualiti, saksama dan inklusif untuk semua.

Keperluan utama mahasiswa OKU dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di IPT merangkumi aspek fizikal, emosi, sosial, kognitif, dan teknologi yang membentuk pengalaman pembelajaran holistik dan seimbang. Dalam era Revolusi Industri 4.0 dan kemunculan pendidikan digital inklusif, keperluan mahasiswa OKU menjadi semakin kompleks dan dinamik, menuntut pendekatan pedagogi yang adaptif, sokongan psikososial yang berterusan, serta penyediaan infrastruktur digital yang mampan. Oleh itu, tanggungjawab IPT bukan sekadar menyediakan akses, tetapi juga memastikan setiap mahasiswa tanpa mengira keupayaan mampu berkembang, berdaya saing dan dihargai sebagai sebahagian daripada komuniti akademik.

PERNYATAAN MASALAH

Mahasiswa merupakan aset terpenting sesebuah institusi pengajian tinggi. Mereka bukan sekadar penerima ilmu, tetapi juga penyumbang kepada ekosistem ilmu, inovasi, dan pembangunan negara. Oleh itu, memahami keperluan utama mahasiswa dalam pengajaran dan pembelajaran adalah penting bagi memastikan proses pendidikan di IPT berlangsung secara efektif dan inklusif (Abdullah, 2021). Dalam konteks Malaysia, dasar pendidikan tinggi menekankan pembangunan mahasiswa seimbang dari segi intelektual, spiritual, emosi, dan jasmani sebagaimana termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kemudahan fizikal yang kondusif seperti bilik kuliah yang selesa, kemudahan teknologi, dan akses kepada bahan pembelajaran digital merupakan antara faktor asas yang menyokong pembelajaran efektif (Yusof et al., 2020). Mahasiswa memerlukan ruang pembelajaran yang mesra pengguna, bebas

halangan (terutama bagi mahasiswa OKU), serta sistem sokongan yang menjamin keselamatan dan keselesaan.

Kajian terdahulu mendapati mahasiswa OKU di IPT masih menghadapi pelbagai halangan. Antara isu utama ialah kemudahan fizikal kampus yang tidak mesra pengguna (Liu et al., 2024), kekurangan bahan bantu belajar yang sesuai (Amin et al., 2022), dan sikap pensyarah yang belum sepenuhnya bersedia terhadap pedagogi inklusif (Tan, Abdullah & Shuib, 2022). Hiew, Tobi dan Shak (2025) turut menegaskan bahawa mahasiswa OKU berhadapan dengan kesukaran dalam proses pembelajaran, khususnya dalam kursus Bahasa Inggeris yang memerlukan kemahiran interaktif tinggi. Dalam masa yang sama, persepsi pelajar arus perdana terhadap OKU masih bercampur antara simpati dan stigma sosial (Saadun et al., 2023).

Antara isu paling ketara ialah stigma masyarakat kampus terhadap mahasiswa OKU. Kajian oleh Hassan & Mat (2020) mendapati bahawa mahasiswa OKU sering mengalami stereotaip negatif dianggap lemah, kurang berupaya, atau tidak berpotensi menyertai aktiviti akademik dan kokurikulum secara setara. Sikap prejudis sebegini menyebabkan mereka berasa terpinggir, rendah diri dan hilang keyakinan untuk berinteraksi dengan rakan sebaya (Ismail & Aziz, 2019). Dalam konteks universiti Islam, isu ini menjadi paradoks kerana nilai empati dan keadilan sosial seharusnya menjadi asas budaya kampus, namun pelaksanaannya masih terbatas pada peringkat dasar, bukan amalan harian.

Sebahagian mahasiswa OKU melaporkan perasaan terasing daripada komuniti kampus, terutamanya dalam aktiviti kumpulan dan kokurikulum (Noraini, 2021). Faktor penyumbang termasuk kekurangan rakan sebaya yang memahami keperluan mereka, halangan komunikasi (seperti pelajar kurang pendengaran), dan kekangan fizikal untuk terlibat dalam aktiviti luar bilik kuliah. Farhana et al. (2021) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai rangkaian sosial terhad lebih cenderung mengalami tekanan emosi dan kemerosotan motivasi akademik.

Kekangan sosial dan akademik yang berpanjangan sering menyebabkan tekanan emosi, kebimbangan (*anxiety*) dan kelesuan mental (*burnout*) dalam kalangan mahasiswa OKU. Kajian Ahmad et al. (2021) mendapati bahawa pelajar OKU yang tidak mempunyai rangkaian sokongan sosial yang kukuh menunjukkan skor kesejahteraan mental yang rendah berbanding pelajar tipikal. Oleh yang demikian kajian ini ingin meneliti keperluan utama mahasiswa dalam aspek sokongan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh pihak universiti.

OBJEKTIF KAJIAN

Meneliti keperluan utama mahasiswa OKU dalam pengajaran dan pembelajaran di Universiti Islam Selangor.

KAJIAN LITERATUR

Kajian tentang mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU) di institusi pengajian tinggi (IPT) semakin mendapat perhatian global, sejajar dengan usaha mewujudkan sistem pendidikan yang inklusif dan adil. Menurut UNESCO (2020), pendidikan inklusif merupakan hak asasi manusia dan asas kepada pembangunan mampan. Di Malaysia, komitmen terhadap inklusiviti ini diterjemahkan melalui Dasar Orang Kurang Upaya (2007) dan Pelan Tindakan Pendidikan Inklusif 2019–2023 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, yang menekankan akses saksama kepada pendidikan tinggi untuk semua golongan pelajar termasuk OKU.

Kajian lepas menunjukkan bahawa mahasiswa OKU menghadapi pelbagai cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti merangkumi kekangan fizikal dan teknologi, kepada aspek sosial dan psikologi. Oleh itu, memahami keperluan utama mereka adalah penting bagi membangunkan dasar dan amalan pengajaran yang benar-benar inklusif (Ahmad et al., 2021; Zawawi & Khalid, 2022).

Akses fizikal yang kondusif merupakan keperluan asas bagi mahasiswa OKU. Kajian oleh Mokhtar dan Rahman (2020) mendapati bahawa pelajar OKU sering menghadapi halangan dalam penggunaan kemudahan kampus seperti laluan berbukit, lif rosak, dan kekurangan tanda isyarat visual atau audio. Ismail dan Aziz (2019) menegaskan bahawa kemudahan mesra OKU seperti ramp, tandas khas, dan peralatan bantu (*assistive devices*) memberi kesan langsung terhadap motivasi dan kehadiran pelajar ke kelas. Dalam konteks universiti Islam, isu akses ini turut berkait dengan penyediaan ruang pembelajaran yang bukan sahaja fizikal tetapi juga spiritual seperti tempat ibadah yang mesra pengguna dan sokongan komuniti yang prihatin terhadap keperluan khusus pelajar OKU.

Dari segi akademik, mahasiswa OKU memerlukan strategi pengajaran yang fleksibel dan pelbagai bentuk penilaian (*differentiated assessment*). Al-Attas dan Hamid (2021) menegaskan bahawa tenaga pengajar perlu dilatih untuk memahami keperluan pelajar OKU melalui pendekatan pedagogi inklusif dan *Universal Design for Learning* (UDL). Kajian Noraini (2020) menunjukkan bahawa pelajar OKU yang menerima adaptasi pengajaran seperti nota dalam format digital, rakaman kuliah, atau bahan bacaan dalam fon bersaiz besar menunjukkan peningkatan signifikan dalam pencapaian akademik mereka.

Selain itu, Mustafa dan Che Omar (2022) menegaskan bahawa keperluan akademik mahasiswa OKU tidak hanya tertumpu kepada kemudahan fizikal, tetapi juga kepada hubungan interpersonal dengan pensyarah dan rakan sekuliah yang bersifat empatik dan memahami. Sokongan sosial dan emosi turut memainkan peranan penting dalam kesejahteraan pelajar OKU. Menurut Tinto (2017), integrasi sosial adalah faktor utama yang menentukan kejayaan dan kadar retensi pelajar di universiti. Kajian Hassan dan Mat (2020) mendapati bahawa mahasiswa OKU sering berasa terpinggir akibat kurangnya kesedaran dalam kalangan rakan sekuliah. Program mentor-mentee, bimbingan psikososial, serta aktiviti kokurikulum inklusif terbukti meningkatkan rasa kebersamaan dan motivasi pelajar (Farhana et al., 2021). Mahasiswa OKU juga memerlukan bimbingan rohani dan nilai kemanusiaan yang berteraskan ajaran Islam. Pendidikan inklusif dalam universiti Islam seharusnya menekankan nilai kasih sayang, empati, dan keadilan sosial (Ibrahim, 2021).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneliti secara mendalam keperluan utama mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU) dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di Universiti Islam Selangor (UIS). Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami pengalaman sebenar dan makna yang dikaitkan oleh peserta terhadap situasi pembelajaran mereka (Merriam & Tisdell, 2016).

Bagi tujuan pengumpulan data, temu bual mendalam secara separa berstruktur (*semi-structured interview*) telah dijalankan melibatkan 10 orang mahasiswa OKU daripada pelbagai kategori kecacatan yang berdaftar di UIS. Pemilihan peserta dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) seperti yang disarankan oleh Creswell (2014), di mana peserta dipilih berdasarkan pengalaman langsung dan pengetahuan mendalam mereka sebagai mahasiswa berkeperluan khas dalam persekitaran universiti Islam. Protokol temu bual dibangunkan berdasarkan tema-tema utama berkaitan keperluan akademik, sosial, emosi, dan infrastruktur pelajar OKU. Setiap sesi temu bual dijalankan secara individu, direkodkan dengan keizinan peserta, dan ditranskripsikan secara verbatim bagi memastikan keaslian data.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik (*thematic analysis*) bagi mengenal pasti corak dan tema utama yang muncul daripada naratif peserta. Proses analisis dibantu oleh perisian NVivo 12, yang digunakan untuk menstrukturkan data, mengekod tema, dan mengenal pasti hubungan antara kategori dapatan. Analisis dilakukan secara deskriptif dan interpretatif bagi menghasilkan kefahaman yang menyeluruh tentang keperluan mahasiswa OKU dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di UIS.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah dianalisis dan pengekodan dibuat secara pengekodan membuka, pengekodan sisi dan pengekodan memilih, dianalisis dengan bantuan aplikasi Nvivo12 maka didapati sebanyak tiga tema utama dan sub-tema yang dinyatakan oleh peserta kajian berkaitan kefahaman mereka tentang keperluan utama mahasiswa OKU dalam pengajaran dan pembelajaran di UIS iaitu: i) fizikal dan aksesibiliti; ii) sokongan akademik dan pembelajaran dan iii) sokongan sosial dan emosi.

Kesemua peserta kajian dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap persoalan kajian ini dan mereka memberikan pandangan yang berbeza tetapi membawa makna yang hampir sama mengikut kefahaman mereka terhadap keperluan utama mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan dapatan kajian, tema dan sub-tema telah dirumuskan dalam Jadual 1 matriks perbandingan.

Jadual 1: Rumusan dapatan terhadap tema dan sub-tema bagi keperluan utama mahasiswa OKU dalam pengajaran dan pembelajaran

Kategori	Tema Utama	Subtema
Keperluan utama Mahasiswa OKU	Fizikal dan aksesibiliti	- Ramp
		- Tandas mesra OKU
		- Laluan rata
		- Pencahayaan mencukupi
		- Penyelenggaraan infrastruktur
	Sokongan akademik dan pembelajaran	- Keperluan bahan pembelajaran mudah akses
		- Tempoh masa tambahan peperiksaan
		- Pendekatan pengajaran fleksibel.
	Sokongan sosial dan emosi	- Ingin dihargai
		- Diterima dengan baik

Sumber: Temubual mahasiswa OKU UIS

Berdasarkan kepada dapatan kajian dalam Jadual 1 menunjukkan terdapat tiga tema utama yang diperolehi. Berikut adalah perbincangan terhadap tema dan subtema yang terdapat dalam dapatan kajian ini.

i. Fizikal dan aksesibiliti

Isu akses fizikal merupakan salah satu faktor paling asas dalam memastikan penyertaan inklusif mahasiswa OKU di institusi pengajian tinggi. Kajian oleh Mokhtar dan Rahman (2020) menegaskan bahawa reka bentuk kampus yang tidak mesra OKU seperti ketiadaan laluan khas, lif rosak, dan ruang pembelajaran yang tidak dapat diakses menjadi halangan utama mahasiswa berkeperluan khas. Dalam konteks Malaysia, Yusof et al. (2019) mendapati bahawa walaupun kebanyakan IPTA dan IPTS mempunyai polisi inklusif, pelaksanaannya masih lemah terutama dalam aspek infrastruktur dan kemudahan asas.

Kajian Zainal dan Min (2021) menekankan kepentingan penyediaan persekitaran pembelajaran fizikal yang kondusif termasuk ruang solat, perpustakaan dan makmal komputer yang mudah diakses

oleh pelajar OKU. Dalam konteks universiti Islam, keperluan fizikal juga perlu diselarikan dengan nilai ihsan dan tanggungjawab sosial universiti terhadap semua pelajar tanpa diskriminasi.

Tambahan pula, UNESCO (2023) dalam laporan globalnya menegaskan bahawa akses fizikal merupakan asas kepada akses pedagogi yang mana tanpa ruang yang inklusif, segala inisiatif pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dengan efektif. Oleh itu, universiti seperti UIS perlu memastikan setiap komponen infrastruktur, dari dewan kuliah hingga sistem maklumat kampus, direka bentuk berdasarkan prinsip *universal design for learning* (UDL).

ii. Sokongan akademik dan pembelajaran

Sokongan akademik ialah keperluan kedua yang paling kritikal bagi mahasiswa OKU dalam memastikan kelangsungan dan kejayaan akademik mereka. Kajian oleh Muhamad Zin et al. (2024) menunjukkan bahawa mahasiswa OKU sering menghadapi kesukaran mengikuti kuliah dalam talian atau pembelajaran berasaskan teknologi kerana bahan pengajaran tidak direka bentuk mengikut keperluan mereka.

Selain itu, Hiew, Tobi dan Shak (2025) mendapati bahawa pelajar OKU memerlukan strategi pengajaran yang lebih fleksibel seperti penggunaan bahan multimedia adaptif, penerapan *assistive technology* dan latihan kemahiran belajar sendiri (*self-regulated learning*). Dalam konteks universiti Islam, pendekatan berasaskan empati dan nilai ihsan boleh meningkatkan keterlibatan pelajar OKU dalam proses pembelajaran, sebagaimana dinyatakan oleh Rahim dan Zetty (2023) dalam kajian mereka tentang pedagogi empati dalam pendidikan Islam. Kajian Oswal et al. (2025) juga menunjukkan bahawa perlu adanya strategi sokongan akademik yang efektif termasuk latihan kepada pensyarah mengenai keperluan mahasiswa berbeza, penyediaan mentor akademik, dan mekanisme pemantauan prestasi akademik yang berpusat kepada kekuatan mahasiswa, bukan kekurangan mereka.

iii. Sokongan emosi dan sosial.

Sokongan sosial dan emosi memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan psikologi serta motivasi pelajar OKU untuk terus belajar. Kajian Munjanja dan Hendricks (2025) menekankan bahawa perasaan disokong secara emosi oleh pensyarah dan rakan sebaya dapat meningkatkan semangat juang terhadap pembelajaran. Sementara itu, Sabri et al. (2024) mendapati bahawa pelajar dengan sokongan sosial yang kukuh menunjukkan tahap jati diri yang lebih tinggi.

Kajian Hiew et al. (2025) turut menunjukkan bahawa pelajar OKU sering berdepan rasa terasing dan stigma sosial, menyebabkan mereka mengalami tekanan emosi dan kehilangan keyakinan diri. Dalam konteks IPT Islam, Rahim dan Zetty (2023) mencadangkan pendekatan berasaskan nilai rahmah dan kasih sayang dalam interaksi sosial kampus agar pelajar OKU tidak merasa dipinggirkan.

Tambahan pula, kajian oleh Tinto (2017) menyatakan bahawa integrasi sosial merupakan faktor penentu kepada pengekalan mahasiswa dalam sistem pendidikan tinggi. Oleh itu, penubuhan kumpulan sokongan, mentor rakan sebaya dan kaunseling berasaskan psikospiritual amat penting untuk memastikan pelajar OKU mendapat kesejahteraan emosi yang seimbang.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kejayaan pelaksanaan pendidikan inklusif di institusi pengajian tinggi seperti Universiti Islam Selangor bergantung kepada komitmen menyeluruh dalam membina ekosistem pembelajaran yang adil, responsif dan berperikemanusiaan. Keperluan mahasiswa OKU dalam konteks pengajaran dan pembelajaran merangkumi tiga dimensi utama iaitu fizikal dan aksesibiliti, sokongan akademik dan pembelajaran, serta sokongan sosial dan emosi. Ketiga-tiga dimensi ini saling melengkapi dan menjadi asas kepada pembentukan pengalaman pembelajaran yang bermakna serta menyeluruh. Infrastruktur yang mesra OKU bukan sekadar memenuhi keperluan fizikal, tetapi mencerminkan nilai

ihsan dan tanggungjawab sosial universiti terhadap semua pelajarinya. Sokongan akademik pula perlu dirangka berasaskan pendekatan pedagogi inklusif yang menekankan fleksibiliti, adaptasi bahan, dan pemahaman terhadap kepelbagaian gaya belajar. Dalam masa yang sama, sokongan sosial dan emosi berperanan besar dalam membina rasa kebersamaan (*sense of belonging*), motivasi, dan ketahanan diri pelajar OKU dalam menghadapi cabaran akademik dan sosial di kampus.

Implikasi kajian kepada keperluan utama ini terhadap pentadbiran universiti, latihan pensyarah dan pembangunan modul pembelajaran inklusif di UIS, ia menuntut transformasi menyeluruh dalam dasar, amalan dan budaya akademik universiti. Dari segi pentadbiran, universiti perlu menggubal dasar yang jelas berteraskan prinsip keadilan, menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang mesra inklusif serta menubuhkan unit khusus bagi menyelaras pelaksanaan dasar tersebut. Bagi pensyarah, latihan profesional perlu menumpukan kepada penguasaan pedagogi inklusif, penerapan nilai empati dan kepekaan terhadap kepelbagaian pelajar, di samping menyepadukan prinsip Islam seperti ihsan, adil dan rahmah dalam pengajaran. Seterusnya, pembangunan modul pembelajaran perlu direka bentuk secara fleksibel dan adaptif agar dapat memenuhi keperluan pelajar pelbagai keupayaan melalui pelbagai kaedah penyampaian dan penilaian alternatif. Secara keseluruhannya, pelaksanaan inklusif di UIS mencerminkan komitmen universiti untuk melahirkan graduan berilmu, berakhlak dan berdaya saing selaras dengan aspirasi *Rahmatan lil 'Alamin*.

Pendidikan inklusif bukanlah semata-mata menyediakan akses fizikal atau dasar polisi, tetapi merupakan satu transformasi budaya institusi dari paradigma belas kasihan kepada paradigma keadilan dan pemberdayaan. Maka, Universiti Islam Selangor, sebagai institusi berteraskan nilai Islam dan kemanusiaan, adalah berpotensi menjadi model pendidikan inklusif yang seimbang antara ilmu, akhlak dan empati. Apabila sistem sokongan fizikal, akademik dan sosial digerakkan secara bersepadu, mahasiswa OKU bukan sahaja mampu menyesuaikan diri, tetapi berpeluang menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ilmu, masyarakat dan negara. Dengan itu, kejayaan sebenar pendidikan inklusif dapat diukur bukan pada jumlah kemudahan yang disediakan, tetapi pada sejauh mana setiap mahasiswa tanpa mengira keupayaan fizikal atau kognitif dapat merasa dihargai dan didengari keperluan pembelajaran mereka.

RUJUKAN

- Ahmad, S., Zawawi, N., & Khalid, H. (2021). Inclusive education practices in Malaysian higher learning institutions. *Malaysian Journal of Inclusive Studies*, 5(2), 22–35.
- Al-Attas, R., & Hamid, N. (2021). Universal Design for Learning and disability inclusion in higher education. *Journal of Educational Research*, 8(4), 77–92.
- Amin, A. S., Sarnon, N., Akhir, N. M., Zakaria, S. M., & Badri, R. N. F. R. (2022). Main Challenges of Students with Visual Impairment at Higher Education Institutions. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(1).
- Farhana, I., Rahman, N., & Karim, A. (2021). Social inclusion of students with disabilities in Malaysian universities. *ASEAN Journal of Education*, 6(3), 55–69.
- Hassan, M., & Mat, Z. (2020). Psychosocial support and resilience among students with disabilities. *Journal of Special Education*, 9(1), 13–29.
- Hiew, W., Tobi, B., & Shak, P. (2025). Challenges, Learning Needs and Coping Strategies of Students with Disabilities in English Language Courses: A Malaysian Higher Education Context. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 10(60).
- Ismail, A., & Aziz, F. (2019). Accessibility and facilities for disabled students in public universities. *Malaysian Education Review*, 14(2), 88–102.
- Kaur, R., & Alias, N. (2022). Bridging digital divide for students with disabilities: A Malaysian perspective. *Journal of Digital Learning*, 3(2), 60–74.
- Liu, Z., Jamil, E., Sawadengdist, A., Hui, X., Kalai, K., & Tang, L. (2024). Delivering an Inclusive Built Environment for Students with Disabilities in a Malaysian Public University. *Qualitative Research Journal*.

- Mokhtar, N., & Rahman, H. (2020). Physical accessibility and inclusivity in campus design. *International Journal of Higher Education*, 9(5), 100–112.
- Muhamad Zin, M. Z., Abdullah, M. H. T., Zabidi, M. M., & Othman, R. D. (2024). Supporting students with disabilities in higher education: Views and experiences. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*. Available: ResearchGate (study of Malaysian universities). https://www.researchgate.net/publication/374061657_Supporting_Students_with_Disabilities_in_Higher_Education_Views_and_Experiences
- Munjanja, E. C., & Hendricks, E. A. (2025). Views of students with disabilities on how institutional support shapes their experiences. *African Journal of Disability*, 14.
- Noraini, A. (2021). Emotional wellbeing and motivation among university students. *Malaysian Journal of Psychology and Education*, 5(1), 66–78.
- Oswal, N., Al-Kilani, M. H., Faisal, R., & Fteiha, M. (2025). A systematic review of inclusive education strategies for students of determination in HEIs. *Education Sciences*, 15(5), 518. <https://doi.org/10.3390/educsci15050518>.
- Rahim, N., & Zetty, Z. N. (2023). Empathy-based pedagogy for students with special needs in Islamic universities. *Journal of Islamic Pedagogy*, 11(2), 45–62.
- Roslan, N., Mahmud, S., & Idris, F. (2021). Assistive technology in Islamic learning for visually impaired students. *Journal of Islamic Education Technology*, 4(1), 33–48.
- Saadun, S. J., Abdullah, M. Z., Mohamed Besir, M. S., Jamal, A., & Mat Hasan, N. Z. (2023). Perceptions of Disability among University Students. *Information Management and Business Review*, 15(3 Special Issue).
- Sabri, L., et al. (2024). Social support at school for students with sensory disabilities. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 21(8), 1071.
- Tan, C., Abdullah, M. N. L. Y., & Shuib, M. (2022). Policies and Practices Governing Disability in Malaysia's Higher Education: A Comparison with England and Australia. *Journal of International and Comparative Education*, 8(2).
- Tinto, V. (2017). Through the eyes of students. *Journal of College Student Retention*, 19(3), 254–269.
- UNESCO. (2020). *Global education monitoring report 2020: Inclusion and education – All means all*. Paris: UNESCO.
- Yusof, R., Ahmad, S., & Mahmud, M. (2020). Campus facilities and student learning experience. *Journal of Higher Education Studies*, 6(2), 12–25.
- Yusof, Y., Cheong Chan, C., Hillaluddin, A., Ahmad Ramli, F., & Mat Saad, Z. (2019). Improving inclusion of students with disabilities in Malaysian higher education. *Disability & Society*, 34(7-8), 1145-1170.
- Zainal, M. S., & Min, L. H. (2021). The Presence of Students with Disabilities in Higher Education: Exploring the Direction of Malaysia Local Public Universities. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 70-76.
- Zawawi, N., & Khalid, R. (2022). Higher education access for students with disabilities in Malaysia. *Malaysian Journal of Education Policy*, 17(1), 44–59.